



UDA HOLDINGS BERHAD

**UDA SERAH SUMBANGAN ZAKAT BERJUMLAH RM500,000 UNTUK
PEMBANGUNAN MASJID AN NUR DI BANDAR UDA UTAMA,
JOHOR BAHRU, JOHOR**

Johor Bahru, 24 Februari 2019 – UDA Holdings Berhad (UDA), syarikat hartanah dan pengurusan aset dan fasiliti berdaya saing di Malaysia sentiasa prihatin dalam membantu serta membangunkan masyarakat setempat menerusi pelbagai program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Memfokuskan pada pembangunan ummah setempat, kali ini UDA menyalurkan sumbangan zakat bagi pembangunan Masjid An-Nur yang terletak di Bandar UDA Utama, iaitu salah satu kawasan pembangunan UDA di zon selatan.

Sebanyak RM500,000 peruntukkan zakat diserahkan bagi pembangunan Masjid An-Nur, Bandar UDA Utama. Untuk makluman, UDA telah membayar sekitar RM4 juta zakat dan sebanyak RM1.5 juta telah dikembalikan untuk pihak UDA salurkan peruntukan wang zakat itu kepada penerima yang layak di kawasan pembangunan UDA. Penyerahan cek sumbangan disampaikan oleh YBhg Datuk Ahmad Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UDA manakala Masjid An-Nur diwakili Haji Kamarudin Haji Bujang selaku Pengerusi Pembinaan Masjid An-Nur, Bandar UDA Utama.

Menurut Datuk Ahmad Abu Bakar, sumbangan zakat kepada masjid ini diharap dapat membangunkan ummah setempat khususnya di Bandar UDA Utama. "Sumbangan UDA pada pembangunan masjid ini juga bakal memudahkan penduduk sekitar untuk menjalankan ibadah dan aktiviti kemasyarakatan selain menaikkan imej Bandar UDA Utama," katanya.

Katanya lagi, projek pembangunan UDA menerusi anak syarikat UDA Land South Sdn Bhd (ULSSB) di zon selatan juga sudah melebihi empat dekad. "UDA sudah mula bertapak di Johor Bahru sejak 1976 lagi, bermula dengan pembangunan Bandar Baru UDA. Kesenambungan dari kejayaan projek Bandar Baru UDA, ULSSB memperkenalkan pembangunan bandar terancang Bandar UDA Utama yang bermula pada tahun 2001. Jadi, pihak UDA rasa terpanggil dan perlu untuk memberi sumbangan bagi pembangunan masjid ini memandangkan kewujudan UDA sudah lebih 4 dekad di kawasan ini," katanya.

Pada tahun 2008, kariah Bandar UDA Utama telah mengumpul dana dan bersepakat membangunkan Surau An-Nur di atas tapak masjid tersebut yang berkeluasan 2.09 ekar. Perluasan surau telah dibuat dari semasa ke semasa bagi menampung bilangan jemaah yang kian meningkat dan rentetan itu, bermula 19 Januari 2018, surau berkenaan telah mendapat kebenaran untuk menunaikan solat Jumaat.

Sumbangan dipohon antaranya bakal digunakan untuk keperluan tambahan dan kelengkapan bangunan masjid. Antaranya bakal digunakan untuk sistem pembesar suara, sistem siaraya (projektor, TV LED, CCTV), pembinaan tambahan tempat wuduk dan dataran tambahan untuk solat jumaat, rak kasut, rak Al-Quran dan kitab, mimbar, penyediaan khas OKU dan lain-lain.

Selepas majlis penyerahan cek sumbangan zakat selesai, barisan tetamu kehormat dan tetamu yang hadir melawat sekitar tapak pembinaan bagi melihat perkembangan pembangunan masjid berkenaan. Pembangunan telah siap dibina 90% dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada Mac 2019. Kos keseluruhan pembangunan masjid itu menelan belanja RM4 juta.

Bandar UDA Utama adalah salah satu projek pembangunan UDA Holdings Berhad (UDA) di zon selatan. Projek pembangunan bercampur (komersial dan kediaman) yang dibangunkan menerusi anak syarikat UDA Land South Sdn Bhd (ULSSB) ini bermula sejak 2001. Projek ini juga adalah kesinambungan daripada kejayaan pembangunan terancang terkemuka oleh ULSSB di Johor Bahru sebelum ini iaitu, Bandar Baru UDA.

Kini, pembangunan di Bandar UDA Utama tertumpu pada penawaran hartanah komersial - kedai pejabat 2 & 3 tingkat yang diberi nama 'Neuvo Centro'. Harga jualan

bermula dari RM900,000. Selain itu, ULSSB turut menawarkan lot Bumiputera bagi kediaman teres 2 tingkat iaitu 'Plumeria Avenue' & 'Rosa Terraces'. Terletak di lokasi strategik, produk hartanah Bandar UDA Utama dikelilingi dengan pelbagai kemudahan seperti sekolah, taman rekreasi, pasaraya, hospital dan padang golf, menjadikan projek pembangunan itu terus menjadi pilihan ramai.

Untuk maklumat lanjut mengenai projek hartanah kediaman dan komersial dari ULSSB boleh membuat pendaftaran di pejabat jualan atau hubungi Jabatan Pemasaran & Jualan di talian 07 - 237 4944 / 1800 1800 89 / 0111 722 6120.

Sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my untuk maklumat lanjut atau ikuti perkembangan UDA di Laman Facebook; **UDA Holdings Berhad**.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset dan fasiliti yang berdaya saing dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Nor Hanisah Kamaruzaman (Nisa) | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264
- Latifah Osman (Lat) | lat@udanet.com | +6012 291 5427

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad, Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855